

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM INSENTIF PENGANTARABANGSAAN (I²S) EDISI 2.0 (2025)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1. Pengenalan dan Objektif

Skim Insentif Pengantarabangsaan [Internationalization Incentive Scheme (I²S)] adalah skim yang ditawarkan kepada penyelidik Universiti dengan objektif utama untuk memperkukuhkan jaringan penyelidikan sedia ada penyelidik USM dengan rakan-rakan kolaborasi antarabangsa atau menjalin kerjasama antarabangsa baharu dalam mempertingkatkan pembangunan, kemajuan dan impak penyelidikan. Skim ini juga mendorong penyelidik untuk mempelajari kemahiran baharu, pencarian dan perkembangan ilmu dalam memastikan penyelidikan di USM kekal relevan. Melalui jaringan skim ini, keterlihatan penyelidik USM di peringkat global dijangka akan bertambah. Hasil atau output utama yang perlu dihasilkan daripada skim ini ialah penerbitan, perjanjian kerjasama, aktiviti di bawah perjanjian dan/atau perkongsian yang boleh memanfaatkan lebih ramai penyelidik USM lain.

2. Aktiviti di bawah Skim

I²S adalah skim yang menyediakan dana untuk penyelidik menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Persidangan (sebagai pembentang)
- ii. Bengkel / Kursus / Latihan Jangka Pendek
- iii. Lawatan Penyelidikan (dengan jemputan)
- iv. Mesyuarat (kerjasama dalam penyebaran hasil penyelidikan)
- v. Seminar / Simposium
- vi. Sangkutan Penyelidikan
- vii. Kerja Lapangan.

3. Siling Peruntukan

Berikut adalah siling peruntukan bagi setiap aktiviti di atas (perkara 2):

Bil	Perkara	Peruntukan
1	Persidangan (sebagai pembentang)	- Negara ASEAN: < RM 5,000.00 - Selain ASEAN: < RM 10,000.00
2	Bengkel / Kursus / Latihan Jangka Pendek	RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00
3	Lawatan Penyelidikan (dengan jemputan)	< RM 6,000.00
4	Mesyuarat (kerjasama dalam penyelidikan sahaja)	< RM 6,000.00
5	Seminar / Simposium	< RM 5,000.00
6	Sangkutan	RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00
7	Kerja Lapangan	RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00

4. Syarat dan Kriteria Permohonan

- i. Terbuka kepada semua staf akademik yang bertaraf **AKTIF** dan mempunyai **LIMA (5) penerbitan dalam jurnal** terindeks WOS/SCOPUS dalam tempoh 5 tahun terakhir atau 5 bab dalam buku penyelidikan atau 2 buku penyelidikan sebagai penulis utama/koresponden.
- ii. Semua pemohon perlu mempunyai *Researcher ID* dan *Author ID (Scopus)* yang disemak melalui Direktori Kepakaran USM.
- iii. Keutamaan adalah kepada pemohon kali pertama. Hanya satu (1) permohonan dibenarkan untuk perjalanan pada tahun yang sama.
- iv. Hanya satu (1) perjalanan dan satu (1) negara sahaja yang dibenarkan bagi setiap permohonan dan perlu mematuhi kadar elaun dan lain-lain perkara seperti di dalam Lampiran 1.

- v. Permohonan perlu disertai **Kertas Cadangan**.
- Setiap Kertas Cadangan permohonan perlu dinyatakan tempat, tujuan, aktiviti dan bajet. **Kertas Cadangan ini perlu dimuat naik ke dalam sistem eOTRA (Lampiran 2).**
 - Bagi persidangan bukti penerbitan (SCOPUS/WOS) daripada pihak pengajur, jika berkenaan perlu disertakan.
 - Untuk Persidangan, Bengkel/Kursus/Latihan Jangka Pendek dan Seminar/Simposium, bukti tujuan perjalanan seperti surat jemputan/penerimaan, surat terima abstrak atau surat menghadiri bengkel, seminar atau latihan perlu disertakan. Maklumat lanjut boleh dilihat pada Jadual-Jadual pada Perkara 6 (Butiran Aktiviti).
 - Semua aktiviti yang dijalankan adalah yang **berkaitan dengan penyelidikan sahaja**.
 - Pemohon perlu memastikan cadangan aktiviti dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran Output Utama (rujuk Perkara 6 (Butiran Aktiviti)) dan yang telah diluluskan berdasarkan Kertas Cadangan.
 - Pemohon perlu memastikan penggunaan dana ini membawa kepada jalinan antarabangsa yang mampan. **Lampiran 4** menunjukkan beberapa model kolaborasi penyelidikan yang boleh digunapakai bagi memanfaatkan lagi skim ini.
 - Destinasi perjalanan mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
 - Deligasi dalam satu (1) perjalanan tidak boleh melebihi empat (4) orang.

5. Cara Permohonan

- Carta alir permohonan adalah pada Lampiran 2.
- Permohonan I²S adalah melalui melalui sistem eOtra. Sila rujuk Tatacara Permohonan (Lampiran 3).
- Permohonan yang tidak lengkap, tidak akan diproses.
- Permohonan dibuka sepanjang tahun dan tertakluk kepada peruntukan sedia ada.
- Penilaian akan dibuat berdasarkan Kertas Cadangan.

6. Butiran Aktiviti

Jadual-jadual di bawah memberikan butiran terperinci terhadap inisiatif ini. Pemohon perlu meneliti jadual-jadual ini bagi memastikan permohonan memenuhi syarat dan jika dianugerahkan, dapat ditutup dengan Output Utama yang telah dijanjikan.

Jadual I. Persidangan (sebagai pembentang)

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Yuran • Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan
Output Utama	• Penerbitan dalam pascasidang persidangan berindeks SCOPUS/WOS sebagai Penulis Utama/ Penulis Koresponden ATAU; • Penerbitan dalam jurnal isu khas yang berindeks SCOPUS/WoS sebagai Penulis Utama/ Penulis Koresponden. ATAU; • Penerbitan dalam jurnal yang berindeks SCOPUS/WoS sebagai Penulis Utama/ Penulis Koresponden.
Output Tambahan	• Sebarang bentuk penerbitan yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibentangkan di persidangan.
Syarat	• Persidangan yang dihadiri mestilah berkait secara langsung dengan projek penyelidikan yang dianjurkan oleh badan profesional atau universiti untuk membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan secara lisan sahaja. • Kertas Cadangan perlu menjelaskan sebab persidangan ini dipilih. Keutamaan perlu diberikan kepada persidangan yang mempunyai barisan penceramah Ucaptama di kalangan penyelidik tersohor dunia.
Tempoh Dibenarkan	• 1-5 Hari
Siling Peruntukan	• Negara ASEAN: maksimum RM5,000.00 • Selain ASEAN: maksimum RM10,000.00

Nota: Merangkumi semua persidangan yang berkaitan dengan penyelidikan sebagai pembentang oral atau penceramah undangan.

Jadual 2. Lawatan Penyelidikan (dengan jemputan)

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan
Output Utama	• Menghasilkan satu Memorandum of Understanding/Memorandum of Agreement. • Sekiranya Universiti telah mempunyai MoU/MoA dengan institusi yang dilawat, penyelidik perlu melakukan aktiviti di bawah perjanjian tersebut dan sertakan bukti dalam tempoh sehingga enam (6) bulan setelah kembali ke Malaysia. • Aktiviti perlulah direkodkan melalui sistem ICNIS (https://icnis.usm.my). • Letter of Agreement (LoA) atau Research Agreement (RA) boleh juga diambil kira.
Output Tambahan	• Penerbitan bersama melalui kerjasama ini terutama di dalam jurnal berindeks ATAU; • Penerbitan artikel di dalam majalah, surat khabar, dan lain-lain karya asli dengan tujuan berkongsi atas apa yang telah diusahakan melalui kolaborasi ini.
Syarat	• Kertas Cadangan dengan faedah lawatan terhadap perkembangan kemajuan penyelidikan universiti perlu dinyatakan dengan jelas serta perincian dengan jelas aktiviti lanjutan yang dilakukan melalui kerjasama ini. • Keutamaan kerjasama harus diberikan kepada institusi terkemuka dunia seperti yang tersenarai di dalam ranking Top 100 QS.
Tempoh Dibenarkan	• Sekurang-kurangnya lima (5) hari. (tidak termasuk perjalanan)
Siling Peruntukan	• Maksimum RM 6,000.00

Nota: Dibenarkan untuk tujuan mendapatkan data, maklumat, atau fakta yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.

Jadual 3. Seminar / Simposium

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Yuran • Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan
Output Utama	• Menjalankan sesi perkongsian ilmu bersama penyelidik di USM dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh kembali ke Malaysia. • Peserta perkongsian ini tidak boleh kurang daripada sepuluh (10) orang. • Sesi ini diurus oleh penyelidik melalui PTJ masing-masing. ATAU; • Penerbitan kertas tinjauan (<i>review paper</i>) yang dimanfaatkan melalui bengkel yang dihadiri di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS. ATAU; • Bab di dalam buku.
Output Tambahan	• Sebarang jenis penerbitan lain yang dimanfaatkan melalui bengkel yang dihadiri.
Syarat	• Kertas Cadangan dengan faedah seminar yang dihadiri terhadap perkembangan kemajuan penyelidikan universiti perlu dinyatakan dengan jelas. • Keutamaan kerjasama harus diberikan kepada institusi terkemuka dunia seperti yang tersenarai di dalam ranking Top 100 QS.
Tempoh Dibenarkan	• Sekurang-kurangnya lima (5) hari. (<i>tidak termasuk perjalanan</i>)
Siling Peruntukan	• Maksimum RM 5,000.00

Nota: Dibenarkan hanya untuk seminar/symposium yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.

Jadual 4. Mesyuarat (penyelidikan)

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan
Output Utama	• Menghasilkan satu Memorandum of Understanding/Memorandum of Agreement. • Sekiranya Universiti telah mempunyai MoU/MoA dengan institusi yang dilawat, penyelidik perlu melakukan aktiviti di bawah perjanjian tersebut dan sertakan bukti dalam tempoh sehingga enam (6) bulan setelah kembali ke Malaysia. • Aktiviti perlulah direkodkan melalui sistem ICNIS (https://icnis.usm.my). • Letter of Agreement (LoA) atau Research Agreement (RA) boleh juga diambil kira.
Output Tambahan	• Penerbitan bersama melalui kerjasama ini terutama di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS ATAU; • Penerbitan lain seperti artikel di dalam majalah, surat khabar, dan lain-lain karya asli dengan tujuan berkongsi atas apa yang telah diusahakan melalui kolaborasi ini.
Syarat	• Kertas Cadangan dengan faedah mesyuarat yang dihadiri terhadap perkembangan kemajuan penyelidikan universiti perlu dinyatakan dengan jelas. • Aktiviti lanjutan yang akan dilakukan melalui kerjasama ini perlu diterangkan. • Keutamaan kerjasama harus diberikan kepada institusi terkemuka dunia seperti yang tersenarai di dalam ranking Top 100 QS.
Tempoh Dibenarkan	• 1-5 Hari
Siling Peruntukan	• Maksimum RM 6,000.00

Jadual 5. Bengkel / Kursus / Latihan Jangka Pendek

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Yuran • Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan.
Output Utama	• Menjalankan sesi perkongsian ilmu bersama penyelidik di USM dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh kembali ke Malaysia. • Peserta perkongsian ini tidak boleh kurang daripada sepuluh (10) orang. • Sesi ini diurus oleh penyelidik melalui PTJ masing-masing. Bukti perlu disertakan kepada Bahagian ini. ATAU; • Penerbitan kertas tinjauan (review paper) yang dimanfaatkan melalui bengkel yang dihadiri di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS. ATAU; • Sebuah buku penyelidikan atau bab dalam buku yang diterbitkan bersama rakan kolaborasi daripada institusi sangkutan.
Output Tambahan	• Sebarang jenis penerbitan yang dimanfaatkan melalui bengkel yang dihadiri
Syarat	• Hanya yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. • Kertas Cadangan dengan faedah Bengkel / Kursus / Latihan Jangka Pendek yang dihadiri terhadap kemahiran baru atau kemajuan dalam penyelidikan perlu dinyatakan dengan jelas.
Tempoh Dibenarkan	• Sekurang-kurangnya lima (5) hari. (tidak termasuk perjalanan)
Siling Peruntukan	• RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00

Jadual 6. Sangkutan Penyelidikan

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Yuran • Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang bentuk sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan.
Output Utama	• Penerbitan di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS yang ditulis bersama dengan rakan kolaborasi daripada institusi sangkutan ATAU; • Penerbitan Kajian kes/Laporan teknikal/Piawai yang dihasilkan melalui sangkutan ini. (Bukti yang menunjukkan laporan lengkap kajian kes/Laporan teknikal/piawai telah diterima oleh pemegang taruh (client)) ATAU; • Sebuah buku penyelidikan atau bab dalam buku yang diterbitkan bersama rakan kolaborasi daripada institusi sangkutan.
Output Tambahan	• Penerbitan kertas tinjauan (<i>review paper</i>) yang dimanfaatkan melalui sangkutan yang dijalankan di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS.
Syarat	• Hanya yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. • Kertas Cadangan dengan faedah sangkutan terhadap perkembangan kemajuan penyelidikan universiti perlu dinyatakan dengan jelas. • Keutamaan lokasi sangkutan harus diberikan kepada institusi terkemuka dunia seperti yang tersenarai di dalam ranking Top 100 QS.
Tempoh Dibenarkan	• Sekurang-kurangnya lima (5) hari. (<i>tidak termasuk perjalanan</i>)
Siling Peruntukan	• RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00

Jadual 7. Kerja Lapangan

Tuntutan Yang Dibenarkan	• Pengangkutan (Darat & Udara) • Penginapan • Elaun Makan
Tuntutan Yang Tidak Dibenarkan	• Visa • Elaun Pakaian Panas • Sebarang Sewaan • Tuntutan lain yang tidak berkaitan.
Output Utama	• Penerbitan di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS sebagai penulis Utama/Koresponden ATAU; • Penerbitan Kajian kes/Laporan teknikal/Piawai yang dihasilkan melalui kajian lapangan ini (Bukti yang menunjukkan laporan lengkap kajian kes/Laporan teknikal/piawai telah diterima oleh pemegang taruh (client)) ATAU; • Sebuah buku penyelidikan atau bab dalam buku sebagai Penulis Utama/Koresponden.
Output Tambahan	• Penerbitan kertas tinjauan (<i>review paper</i>) yang dimanfaatkan melalui kerja lapangan yang dijalankan di dalam jurnal berindeks SCOPUS/WoS sebagai Penulis Utama/Koresponden.
Syarat	• Hanya yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. • Kertas Cadangan yang menyatakan keperluan melakukan kerja lapangan di luar negara perlu dinyatakan dengan jelas.
Tempoh Dibenarkan	• Sekurang-kurangnya lima (5) hari. (<i>tidak termasuk perjalanan</i>)
Siling Peruntukan	• RM 5,000.00 sehingga RM 10,000.00

Pemohon dan semua yang terlibat dengan projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan-Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia.

Setiap permohonan akan dinilai oleh panel penilai universiti, tertakluk kepada situasi semasa dan **keputusan adalah muktamad.**

7. Hasil/Output

1. Rujuk Jadual-Jadual di atas untuk Output Utama dan Output Tambahan. Untuk Output penerbitan (sama ada jurnal, buku, artikel atau apa-apa jenis penerbitan):
 - i. Penulis wajib mempunyai afiliasi Universiti Sains Malaysia.
 - ii. Penghargaan kepada Skim Insentif Pengantarabangsaan Universiti Sains Malaysia mestilah dinyatakan dengan jelas.
 - iii. Penghargaan perlu berserta nombor akaun/rujukan dana ini dicatatkan pada penerbitan yang dihasilkan.

CONTOH:

Special thanks to Universiti Sains Malaysia for International Incentive Scheme provided (R502-KR-ARP004-00AUPRM003-K134)

- iv. Keutamaan adalah penghargaan kepada skim ini sahaja.
 - v. Penulisan bersama-sama dengan rakan kolaborasi adalah sangat digalakkan dan patut mematuhi semua etika penerbitan.
 - vi. Sekiranya tiada sebarang penghargaan dinyatakan maka penerbitan tersebut tidak akan diambil kira sebagai Output.
2. Pemohon perlu memastikan pencapaian Output Utama (wajib) daripada aktiviti seperti yang dinyatakan pada Jadual-Jadual di atas. Sekiranya gagal mencapai Output Utama ini semasa penghantaran Laporan Akhir, maka **penyelidik tidak akan dibenarkan untuk membuat sebarang permohonan skim yang sama pada tahun-tahun berikutnya**. Rayuan mungkin boleh dibuat jika Output Tambahan yang dihasilkan benar-benar berimpak, jika Output Utama gagal dicapai.
3. Output Tambahan harus diusahakan bagi memastikan perjalanan dan aktiviti yang dilakukan melalui insentif ini bermanfaat untuk universiti dan mempunyai pulangan nilai yang setimpal dengan dana yang diberikan.

8. Laporan Akhir

- i. Pemohon perlu melengkapkan Laporan Akhir (secara *softcopy* atau *hardcopy*) dalam tempoh tidak melebihi ENAM (6) **bulan** selepas pulang ke USM. Laporan ini mestilah berdasarkan kepada Output Utama dan Tambahan yang telah ditetapkan. Output Utama dan Tambahan daripada inisiatif ini perlu dimuatkan di dalam Laporan Akhir dan boleh dikemaskini tidak melebihi setahun (1 tahun) daripada tarikh selepas pulang ke USM.
- ii. Kegagalan menghantar Laporan Akhir berserta dengan semua maklumat Output Utama yang dijanjikan boleh **menjejaskan permohonan skim ini pada tahun-tahun seterusnya**.

9. Peraturan Kewangan

- i. Dana yang dianugerahkan adalah menjadi tanggungjawab pemohon dan perlu diuruskan dengan sebaik mungkin.
- ii. Perbelanjaan hanya dibenarkan untuk aktiviti yang telah diluluskan di dalam Kertas Cadangan.
- iii. Pemohon perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan dan semua tatacara perbendaharaan.
- iv. Peruntukan dana adalah dalam Vot Kawalan dan hanya membenarkan Vot seperti di bawah sahaja:

VOT	CATATAN
Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan dan sara hidup yang berkaitan telah diluluskan dalam Kertas Cadangan dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan aktiviti yang telah diluluskan.
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	Yuran. Perbelanjaan perkhidmatan khas yang merangkumi kos menghadiri kursus/latihan/program sangkutan jangka pendek sahaja. Perbelanjaan lain seperti pembayaran <i>Article Processing Charge</i>, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, enumerator, dan pembantu penyelidik tidak dibenarkan.

- v. Pemohon diwajibkan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan Vot 21000, dan Vot 29000 yang telah diluluskan sahaja. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh pemohon. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan LUPUT.
- vi. Pemohon perlu membuat perancangan terperinci di dalam Kertas Cadangan.
- vii. Pendanaan skim ini diberikan secara tuntutan imbuhan sahaja kepada penyelidik dengan PI mengemukakan bukti resit dan lain-lain.
- viii. Buku Syarat dan Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti boleh dimuat turun melalui pautan [Pengurusan Kewangan Penyelidikan.pdf](#) sebagai panduan untuk mentadbir kewangan. Makluman dan hebahan semasa RCMO berkaitan perbelanjaan dan pengurusan juga adalah berkaitan.
- ix. **Skim ini tidak boleh digunakan dalam urusan kenaikan pangkat staf kerana skim ini bukan geran penyelidikan.**

Lampiran 1.

KADAR ELAUN MAKAN, PENDAHULUAN DIRI SEWA HOTEL/ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

** Gred 1-54 sahaja. Sila rujuk Lampiran 1(a) sekiranya selain daripada Gred ini.
Rujukan: Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2024*

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Pendahuluan Diri Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Kategori I	175	400	100
Kategori II	195	440	120
Kategori III	215	480	140
Kategori IV	235	520	160
Kategori V	255	560	180

KATEGORI I

Afghanistan	Egypt	Kosovo	Maldives	Syria	Tunisia
Aruba	Georgia	Kyrgyzstan	Nepal	Tajikistan	Uzbekistan
Azerbaijan	India	Libya	Pakistan	Turkmenistan	Syria

KATEGORI II

Albania	Bulgaria	Gabon	Malawi	Palau	Somalia
Algeria	Burkina Faso	Gambia	Malaysia	Paraguay	Sri Lanka
Angola	Burundi	Ghana	Mali	Peru	Tanzania
Argentina	Cameroon	Guinea	Mauritania	Philippines	Timor Leste
Armenia	Cape Verde	Guinea-Bissau	Mexico	Republic of Congo	Togo
Bangladesh	Central African Republic	Indonesia	Moldova	Romania	Turkey
Belarus	Chad	Iran	Mongolia	Russia	Uganda
Benin	Colombia	Iraq	Montenegro	Rwanda	Ukraine
Bhutan	Comoros	Ivory Coast	Morocco	Sao Tome and Principe	Vietnam
Bolivia	Democratic Republic of Congo	Kazakhstan	Niger	Senegal	Western Sahara
Bosnia And Herzegovina	Equatorial Guinea	Laos	Nigeria	Serbia	Zambia
Botswana	Eswatini	Liberia	North Macedonia	Sierra Leone	

KATEGORI III

Belize	Cuba	Guatemala	Mayotte	Saudi Arabia	Tuvalu
Brazil	Czech Republic	Honduras	Mozambique	Slovakia	Vanuatu
Brunei	Djibouti	Hungary	Myanmar	South Africa	Wallis and Fatun
Cambodia	Ecuador	Kenya	Namibia	Sudan	
Cayman Island	El Salvador	Latvia	Nicaragua	Suriname	
Chile	Fiji	Lesotho	Palestine	Thailand	
China	French Guiana	Lithuania	Poland	Tokelau	
Croatia	Grenada	Madagascar	Portugal	Tonga	

**KADAR ELAUN MAKAN, PENDAHULUAN DIRI SEWA HOTEL/ELAUN LOJING SEMASA
BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI**

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Pendahuluan Diri Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Kategori I	175	400	100
Kategori II	195	440	120
Kategori III	215	480	140
Kategori IV	235	520	160
Kategori V	255	560	180

KATEGORI IV

Bahrain	Ethiopia	Jamaica	Oman	Spain	Zimbabwe
Costa Rica	Gilbratar	Jordan	Panama	Trinidad And Tobago	
Cyprus	Greece	Kuwait	Papua New Guinea	Turks and Caicos Islands	
Eritrea	Guyana	Mauritius	Slovenia	Uruguay	
Estonia	Haiti	North Korea	Solomon Islands	Yemen	

KATEGORI V


Andorra	Cook Islands	Iceland	Malta	Puerto Rico	Switzerland
Anguilla	Denmark	Ireland	Marshall Island	Saint Helena	Taiwan
Antigua and Barbuda	Dominica	Isle of Man	Micronesia	Saint Kits and Nevis	United Arab Emirates
Australia	Dominican Republic	Italy	Monaco	Saint Lucia	South Sudan
Austria	Faroe Island	Japan	Montserrat	Saint Vincent and Grenadines	United Kingdom
Bahamas	Finland	Jersey	Nauru	Samoa	United States
Barbados	France	Kiribati	Netherlands	San Marino	United States Virgins Islands
Belgium	Germany	Lebanon	New Zealand	Seychelles	
Bermuda	Greenland	Liechtenstein	Niue	Singapore	
British States Virgins Islands	Guernsey	Luxembourg	Norway	South Korea	
Canada	Hong Kong	Macau	Qatar	Sweden	

Lampiran 1(a)

<i>Kumpulan</i>	<i>Hotel</i>	<i>Elaun Makan</i>
Gred Utama/Khas "A" dan ke atas	Perbelanjaan Standard Suite	370.00
Gred Utama/Khas "B" dan "C"	Perbelanjaan Bilik Biasa	340.00

Lampiran 2.

CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM INSENTIF PENGANTARABANGSAAN (I²S)



Lampiran 3. TATACARA PERMOHONAN SKIM INSENTIF PENGANTARABANGSAAN (I²S)

PERKARA	CATATAN	CONTOH/RUJUKAN
1. <i>Log In ke Campus Online</i>		
2. Pilih e-Otra	Pilih logo e-Otra di <i>Dashboard</i> Aplikasi	
3. e-PLN (RCMO)	- Pilih pada butang e-PLN (RCMO) untuk membuat permohonan dan pilih "seterusnya". - Pilih butang "SETUJU".	
4. Bahagian B : Maklumat Permohonan	Isi semua maklumat yang diminta dan pilis "simpan & seterusnya".	

PERKARA	CATATAN	CONTOH/RUJUKAN
5. Bahagian C : Maklumat Kewangan	- Jenis Pembiayaan: - Pilih Skim Insentif Pengantarabangsaan (I²S). - Butir Pembiayaan Yang Diperlukan: - Masukkan kos pembiayaan perjalanan yang diperlukan.	BAHAGIAN C : MAKLUMAT KEWANGAN Jenis Pembiayaan * : ☐ APEX ERA ☐ GERAN AGENSI LUAR ☐ GERAN FRGS ☐ GERAN LRGS ☐ GERAN PASCA COVID-19 ☐ GERAN PENYELIDIKAN BRIDGING GRN ☐ GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (SKIM Q) ☐ GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK KHAS ☐ GERAN PENYELIDIKAN TRANSDISIPLINARI (TRANS) - RUTRANS ☐ GERAN PENYELIDIKAN TRANSDISIPLINARI GLOBAL CHALLENGE (TRANS GC) - RUTRANS GC ☐ GERAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (INDIVIDU) KHAS - RUI KHAS ☐ GERAN RU TOP-DOWN ☐ GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN - RTRPAJUKAN (RUT) ☐ GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN - INDIVIDU (RUI) ☐ GERAN USM JANGKA PENDEK ☐ INSENTIF PASCA SISWAZAH ☐ KEMENTERIAN LAIN SELAIN DARIPADA KPT ☐ KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN KKP ☐ MOHE (H-COE) ☐ OTHERS Butir Pembiayaan Yang Diperlukan : a. VOT 29000 - Yuran Kursus Yang Dikenakan i). Mata Wang Asing (Sekiranya Ada) ii). Amaun Dalam Mata Wang Asing (Sekiranya Ada) iii). Amaun (RM) b. VOT 21000 - Tambang Perjalanan (RM) c. VOT 21000 - Penginapan (RM) d. VOT 21000 - Elaun Makan (RM) Jumlah Keseluruhan (RM)
6. Bahagian D : Muat Naik Dokumen Sokongan	- Muat Naik semua dokumen sokongan yang diperlukan. - Kertas Cadangan / Bukti penerbitan perlu di muat naik di bahagian lain-lain.	BAHAGIAN D : MUAT NAIK DOKUMEN SOKONGAN Abstrak Kertas Kerja + Muat Naik Lampiran... Surat Jemputan / Surat Justifikasi + Muat Naik Lampiran... Brosur * + Muat Naik Lampiran... Penyata Kewangan Geran (RCMO) + Muat Naik Lampiran... Penerbitan Jurnal Khas (Special Issue) berindeks (Sila sertakan bukti daripada penganjur) + Muat Naik Lampiran... Lain-lain + Muat Naik Lampiran...
7. Bahagian G : Perakuan Pemohon	- Dekan / Ketua Jabatan Pemohon: - Masukkan nama Dekan / Ketua Jabatan. - Pegawai Kewangan PTJ: - Masukkan nama Pegawai Kewangan yang telah dilantik di PTJ. - Nombor Telefon: - Masukkan no telefon bimbit untuk dihubungi. - Pilih "Sah dan Hantar Permohonan".	BAHAGIAN G : PERAKUAN PEMOHON  Nama Pemohon No Kad Pengenalan Jabatan Bertugas Jawatan Dekan / Ketua Jabatan Pemohon : -- Sila Pilih Ketua Jabatan --x Pegawai Kewangan PTJ : -- Sila Pilih Pegawai Kewangan PTJ --x Nombor Telefon Bimbit Pemohon Untuk Dihubungi : Saya mengesahkan bahawa maklumat di atas dan dokumen sokongan yang dilampirkan adalah benar. Saya juga telah mematuhi negara untuk membentangkan kertas kerja penuh secara lisan. Pihak Universiti berhak menarik balik kelulusan dan pembiayaan yang tepat pada permohonan ini. KEMBALI SAH DAN HANTAR PERMOHONAN

Lampiran 4

Bil.	Cadangan Bentuk Kerjasama Penyelidikan	Cadangan Bentuk Kerjasama yang Boleh Dilakukan	Hasilan daripada Kerjasama
1	Research Consortium / Konsortium Penyelidikan	Penubuhan satu konsortium penyelidikan antarabangsa, dan penyelesaian permasalahan penyelidikan adalah melalui konsortium ini. Penyelidikan yang lebih bersifat global seperti merangka dasar global dalam penyelidikan dan pemindahan ilmu. Penyelidikan yang boleh membawa kepada produk penyelidikan atau pindahan teknologi yang dibangunkan melalui konsortium. Dana penyelidikan yang dimohon bersama melalui pendana antarabangsa.	Hasilan yang boleh diadaptasi dan digunakan oleh pemegang taruh, penerbitan bersama dalam juran top 10 %, hasilan penyelidikan yang lebih berimpak tinggi, perkongsian IP, pembangunan prototaip atau produk penyelidikan. Geran-geran penyelidikan antarabangsa. Kolaborasi mampan.
2	Bilateral Research / Penyelidikan Dua Hala	Penyelidikan bersama melalui kerjasama dua hala; setiap institusi mengetuai projek penyelidikan di bawah satu program penyelidikan dan menjalankan penyelidikan bersama-sama. Geran penyelidikan harus dipohon bersama daripada pendana antarabangsa.	Projek penyelidikan yang diusahakan melalui perkongsian penggunaan makmal, pertukaran/penyelidikan pelajar pasca siswazah, penerbitan bersama, perkongsian IP dan permohonan dana antarabangsa.
3	Virtual Research Laboratories / Makmal Penyelidikan Virtual	Inisiatif penyelidikan berasaskan data, yang menggunakan platform maya (online platform) sebagai tempat mengumpul, berkongsi, dan menganalisis data penyelidikan secara kolaboratif antara penyelidik.	Perkongsian data yang mirip kepada konsep Open Science. Perkongsian membawa kepada pemindahan teknologi, penerbitan bersama, pembangunan perisian bersama yang lebih berimpak. Penghasilan IP bersama.
4	Visiting Researcher Scheme / Skim Pelawat Penyelidik	Program khusus dirancang untuk pelawat penyelidik seperti menjalankan penyelidikan di institusi luar, mendapat akses terhadap alatan <i>high-end</i> atau makmal berteknologi tinggi yang tiada di Malaysia. Menganjur seminar /bengkel /latihan di bawah program khusus ini. Merangka proposal penyelidikan di institusi luar bersama penyelidik di sana untuk permohonan geran dari pendana antarabangsa.	Akses makmal rakan kolaborasi, penyelidikan yang lebih berimpak, pertukaran / penyelidikan pelajar pasca siswazah, penerbitan bersama, perkongsian IP dan permohonan dana antarabangsa.
5	Duplex Cotutelle Programme / Program Dupleks Cotutelle	Ijazah tunggal dengan pengiktirafan dua institusi (cotutelle) atau ijazah bersama bergantung kepada perjanjian. Penyelia pelajar layak mendapat geran penyelidikan untuk membawa pelajar menjalani sangkutan di universiti /institusi kolaborator. Geran perlu dipadankan oleh rakan kolaborasi. Pelajar sebagai penyelidik bersama di dalam geran padanan ini.	Graduan PhD berkualiti antarabangsa, rangkaian penyelidikan/akademik yang meluas, dan penerbitan bersama.
6	Matching Fund / Dana Padanan	Penyelidik perlu menghasilkan program penyelidikan yang bermanfaat kepada kedua-dua institusi. Dana penyelidikan daripada institusi luar boleh disalurkan ke Universiti dan dipadankan.	Projek penyelidikan yang diusahakan melalui perkongsian penggunaan makmal, pertukaran/penyelidikan pelajar pasca siswazah, penerbitan bersama, perkongsian IP dan permohonan dana antarabangsa.

Bil.	Cadangan Bentuk Kerjasama Penyelidikan	Cadangan Bentuk Kerjasama yang Boleh Dilakukan	Hasilan daripada Kerjasama
		Jika dana tidak boleh disalurkan masuk ke Universiti, kedua-dua institusi harus memberikan dana padanan kepada setiap penyelidik di institusi masing-masing.	
7	Joint Certification Programme / Program Pensijilan Bersama	Kedua-dua institusi merangka program pensijilan untuk pelajar atau penyelidik muda universiti. Program ini merangkumi latihan serta kuliah berkala yang dijalankan oleh ahli akademik dari kedua-dua institusi. Fokus kepada bidang yang Universiti atau bidang terkehadapan yang masih belum dipelopori Malaysia. Pelajar akan menerima sijil selepas tamat program ini.	Sijil rasmi bagi memperkukuh profil akademik dan professional peserta. Peningkatan ilmu serta kemahiran praktikal dalam bidang yang berkaitan terutama bidang baru yang masih tiada di Malaysia.